



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8
Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman Web: www.moe.gov.my

No Rujukan : KPM.100-1/8/1 Jld.2 (10)
Tarikh : // Mei 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) 2017

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2016, ahli mesyuarat telah bersetuju agar logo rasmi Kementerian dan Agensi digantikan dengan **logo Jata Negara sahaja** berkuatkuasa 1 Januari 2017.
3. Selaras dengan arahan tersebut, Garis Panduan Pemakaian Baju Korporat yang telah dikeluarkan pada 8 Januari 2014 bagi penyeragaman pemakaian baju korporat di kalangan pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga perlu dibuat sedikit pengubahsuaian. Rekabentuk dan warna pakaian korporat masih lagi sama, namun penggunaan logo rasmi KPM perlu dikeluarkan daripada rekabentuk sedia ada seperti di **Lampiran A**.
4. Seperti yang telah dimaklumkan dalam garis panduan sebelum ini, pembekalan baju korporat tidak boleh menggunakan peruntukan Jabatan/Bahagian dan hendaklah dibiayai sendiri oleh pegawai. Perkara ini adalah selaras dengan **Surat Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2008 (para 25)** yang menyatakan bahawa **"Pembekalan baju korporat Jabatan/Bahagian yang menggunakan peruntukan Kerajaan juga dihentikan serta merta"**.

5. Pemakaian baju korporat oleh pegawai KPM hanya dibenarkan apabila melaksanakan tugas rasmi di lapangan/luar sahaja. Bagi pegawai lelaki, baju korporat hanya boleh dipakai bersama-sama seluar panjang *slack/khakis* dengan keutamaan kepada warna gelap. Bagi pegawai wanita, baju korporat hanya boleh dipakai bersama skirt labuh berbentuk "A" (*A-line skirt*), paras tumit atau seluar panjang polos berwarna hitam dan tudung berwarna hitam/*dark blue/royal blue*.

6. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan juga, pakaian semasa bertugas di pejabat dan menghadiri upacara-upacara rasmi yang lain adalah tertakluk kepada Pekeliling dan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Awam);
- (ii) Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
- (iii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi);
- (iv) Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam JPS(S)TT.193/37/Jld4 Bertarikh 15 Mac 2005 (Galakan Memakai Baju Kebangsaan Pada Hari Jumaat); dan
- (v) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 (Pemakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis).


7. Pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam/uniform hendaklah memakainya ketika bertugas pada setiap masa melainkan diarah dari masa ke semasa oleh Ketua Jabatan.

8. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/Puan adalah diminta untuk memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya dan memantau pelaksanaan pemakaian baju korporat oleh semua pegawai di bawah seliaan masing-masing demi meningkatkan imej korporat KPM.

9. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



DATO' SRI ALIAS BIN HJ AHMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia


Salinan kepada:

KPPM
TKSU (Pembangunan)
TKSU (Pengurusan)
TKPPM (Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
TKPPM (Operasi Pendidikan)
TKPPM (Pembangunan Profesionalisme Keguruan)

REKABENTUK BAJU KORPORAT (LELAKI)





Butang di dalam

<p>Dada Kiri Sulam</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;"><p>0.8cm \updownarrow ISMAIL</p></div> <p>Dada Kanan Sulam</p> <div style="display: flex; align-items: center;"><div style="margin-right: 10px;"><p>4cm \updownarrow</p></div><div style="text-align: center;"><p>KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</p></div></div>	<div style="display: flex; align-items: center;"><div style="width: 30px; height: 30px; background-color: #002060; margin-right: 10px;"></div><p>WARNA KORPORAT LELAKI <i>(Warna Korporat Kementerian)</i></p><p>R : 12 G : 9 B : 130</p><p>Material : Vicose Design : Base (White) Piping (Dark Blue)</p></div>
---	---

REKABENTUK BAJU KORPORAT (WANITA)



Butang di dalam

<p>Dada Kiri Sulam</p> <p>0.8cm \updownarrow IZYAN</p> <p>Dada Kanan Sulam</p> <p>4cm</p>  <p>KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</p>	<p> WARNA KORPORAT WANITA (Warna Korporat Kementerian)</p> <p>R : 12 G : 9 B : 130</p> <p>Material : Vicosse Design : Base (White) Piping (Dark Blue)</p>
---	---